

Amalan Diagnosis Dalam Perubatan Melayu Berdasarkan Kitab Tib

Diagnosis Practice In Malay Medicine Based on The Kitab Tib

Fairuzah Mat Salleh^a, Zilal Saari^b, Nur Najwa Hanani Abdul Rahman^a, Norhissam Mustafa^c

^aAcademy of Islamic Civilization, Universiti Teknologi Malaysia, 81310 Johor Bahru, Johor

^bCentre of Research for Fiqh Science and Technology (CFiRST), Ibnu Sina Institute for Scientific & Industrial Research (ISI-SIR), Universiti Teknologi Malaysia, 81310 Johor Bahru, Johor

^cInternational Academy of Tabfiz Medik, Kampung Parit Jelutong, 86400 Parit Raja, Johor

*Corresponding author: fairuzah.matsalleh@graduate.utm.my

Article history

Received: 2019-07-28 Received in revised form: 2019-10-28 Accepted: 2019-11-16 Published online: 2020-01-31

Abstract

This article will highlight the practices practiced in Malay medicine to diagnose an illness experienced by a patient based on the information contained in the *kitab tib*. This study will focus on six *kitab tib* that have been transliterated to roman writing. Then, these *kitab tib* will be analyzed to determine the diagnostic practices presented therein and structured their information based on certain categories and justifications. The main purpose is to analyze the contents of the *kitab tib* based on these three criteria (i) the diagnosis practices used in each *kitab tib*, (ii) the elements that influence the diagnosis based on each *kitab tib*, (iii) the main diagnostic method set forth in each *kitab tib*. As a result of this study, the practice of diagnosis in Malay medicine based on these *kitab tib* emphasizes on identifying imbalances between the four main elements of the body namely wind, fire, water and soil. These four elements will affect the state of the fluid in the body and consequently affect the results of the diagnosis. With this, it will determine the appropriate treatment to be given to a patient but it is necessary to provide latest complete analytical information to produce more accurate treatment results.

Keywords : Diagnosis, Malay medicine, *kitab tib*, content analysis

Abstrak

Artikel ini akan mengetengahkan amalan-amalan yang dilakukan dalam perubatan Melayu bagi mendiagnos sesuatu penyakit yang dihadapi oleh seseorang pesakit berdasarkan maklumat yang terkandung dalam kitab tib. Kajian ini akan memfokuskan kepada enam buah kitab tib yang telah ditransliterasikan kepada tulisan rumi. Seterusnya, kitab-kitab ini akan dianalisa bagi menentukan amalan mendiagnos yang dikemukakan dan distrukturkan semula maklumatnya berdasarkan kategori dan justifikasi tertentu. Tujuan utama adalah untuk menganalisa kandungan kitab tib berdasarkan kepada tiga kriteria iaitu (i) amalan diagnosis yang digunakan di dalam setiap kitab tib tersebut, (ii) unsur-unsur yang mempengaruhi diagnosis berdasarkan setiap kitab tib tersebut, (iii) kaedah diagnosis utama yang diutarakan berdasarkan setiap kitab tib tersebut. Hasil daripada kajian ini mendapati amalan diagnosis di dalam perubatan Melayu berdasarkan kitab-kitab tib ini menekankan tentang mengenalpasti ketidakseimbangan antara empat unsur utama tubuh iaitu angin, api, air dan tanah. Keempat-empat unsur ini akan mempengaruhi keadaan bendalir di dalam badan dan seterusnya mempengaruhi hasil diagnosis. Sehubungan ini, ia dapat membantu menentukan rawatan yang sesuai untuk diberikan kepada pesakit, namun turut perlu kepada maklumat analisa bersifat semasa bagi menghasilkan keputusan rawatan yang lebih tepat.

Kata Kunci : Diagnosis, perubatan Melayu, kitab tib, analisa kandungan

1.0 PENDAHULUAN

Diagnosis merupakan proses untuk mengenalpasti penyakit atau gangguan pada seseorang pesakit melalui pemeriksaan kesihatan yang teliti hasil daripada keputusan ujian perubatan. Ia melibatkan beberapa pemerhatian mudah mengenai masalah pesakit atau mungkin gejala yang lebih sukar untuk ditafsirkan bahkan memerlukan ujian makmal dan juga jenis pemeriksaan yang lain. Diagnosis dalam perubatan melibatkan maklumat daripada pelbagai sumber seperti penemuan dari pemeriksaan fizikal, temu ramah dengan pesakit atau keluarga atau kedua-duanya, sejarah perubatan pesakit dan keluarga, dan penemuan klinikal seperti yang dilaporkan oleh ujian makmal dan kajian radiologi. Manakala diagnosis fizikal pula berdasarkan maklumat yang diperolehi daripada pemeriksaan kesihatan, palpasi, perkusi, dan auskultasi (Saunders, 2003).

Menurut kamus Dewan Bahasa Pustaka Edisi ke-4 (2017), palpasi bermaksud teknik pemeriksaan permukaan luar tubuh dengan menggunakan tangan atau jari untuk mengesan bukti penyakit atau kelainan dalam organ. Perkusi pula membawa maksud teknik untuk memeriksa bahagian tubuh melalui ketukan dengan jari atau alat bagi mengesan getaran yang timbul dan teknik ini berguna untuk mengesan kehadiran cecair atau pemejalan yang abnormal. Manakala auskultasi adalah kaedah mendengar bunyi pada tubuh seseorang, terutamanya untuk memastikan keadaan jantung, peparu, abdomen dan juga untuk mengesan bunyi jantung fetus. Justeru, menurut al-Razi, diagnosis merupakan satu proses yang penting terhadap seseorang pesakit sebelum sebarang rawatan atau ubat diberikan bagi merawat penyakit yang dialaminya (Mohamed, Daud, Fazlena, Asyraf, & Mohd, 2018).

Allah SWT telah menjelaskan berkaitan kejadian manusia bahawa fitrahnya adalah sempurna dan seimbang seperti firmanNya dalam Surah Al-Infithar, ayat 7:

الَّذِي خَلَقَكَ فَسَوَّاكَ فَعَدَلَكَ

Maksudnya: "Tuhan yang telah mencipta dan mengatur kejadianmu, lalu menjadikan anggotamu sesuai (dengan tujuan yang kerananya anggota itu diadakan), serta menjadikan (binaan tubuh badanmu) sama padan dengan kekuatannya."

Schubungan dengan itu, Saehu (2016) telah menyatakan bahawa dalam tubuh manusia terdapat banyak keseimbangan yang rumit serta hubungan yang sempurna di antara semua sistem tubuh yang saling bergantung. Hal ini memungkinkan manusia menjalankan fungsi-fungsi vitalnya tanpa masalah. Justeru, perlu dikenalpasti terlebih dahulu sebarang ketidakseimbangan yang membawa kepada penyakit sebelum rawatan diberikan. Seimbang dan sempurna dalam penciptaan seluruh tubuh manusia ini boleh berlaku sebaliknya jika bertentangan dengan fitrah kejadian asalnya yang boleh membawa kepada kemusnahan serta penyakit (Mardhiyati, Za, Amin, Faridah, & Ni, 2018). Maka, sebarang ketidakseimbangan tersebut perlu dikenalpasti dan didiagnos terlebih dahulu jika perawatan yang sesuai ingin diberikan kepada seseorang.

Selain itu, proses diagnosis dikatakan penting kerana ia membantu pengamal perubatan menentukan terapi optimum yang boleh diberikan kepada pesakit hasil daripada keputusan melalui ujikaji dan pemerhatian yang kompleks terhadap keadaan pesakit (Ledley & Lusted, 1959). Suherman (2011) mengemukakan tentang kepentingan diagnosis sebagai berikut:

1. Supaya dapat menemukan atau mengidentifikasi kelemahan atau penyakit (*weakness, disease*) apa yang dialami oleh seseorang pesakit

2. Supaya dapat menemukan karakteristik atau kesalahan-kesalahan dari gejala-gejala atau fakta tentang suatu hal
3. Sebagai pertimbangan dalam upaya pengendalian penyakit di lapangan
4. Juga salah satu daripada usaha untuk mencegah daripada penyebaran suatu penyakit atau wabak

Sumber dan rujukan daripada: Parta Ibeng (2018)

2.0 DIAGNOSIS DALAM PERUBATAN MELAYU

Perubatan Melayu menekankan aspek kestabilan empat unsur utama dalam tubuh badan seseorang manusia iaitu unsur angin, api, air dan tanah bagi mengekalkan kesihatan yang telah sedia ada. Keempat-empat unsur ini mempunyai fungsi dan peranan yang penting terhadap keseimbangan tubuh secara fizikal, mental, emosi dan spiritual dalam mempengaruhi keteguhan jasad serta tenaga seseorang individu tersebut. Apabila berlaku ketidakstabilan antara empat unsur ini pada jasad dan tenaga maka akan membawa kepada pelbagai penyakit yang boleh memberi kesan kepada fizikal, mental, emosi serta spiritual seseorang individu (Norhissam, 2015; Nornizam, 2018).

Justeru, perubatan Melayu mempunyai kaedah tersendiri dalam mendiagnos atau mengenalpasti penyakit. Hal tersebut dilakukan melalui dua kaedah iaitu diagnosa naturalistik dan diagnosa personalistik. Kedua-dua kaedah ini turut dilakukan oleh ahli perubatan Melayu yang dikenali sebagai bomoh. Diagnosa naturalistik adalah dengan melihat faktor-faktor fizikal seperti keadaan persekitaran dan fisiologi tubuh pesakit yang mengakibatkan berlaku ketidakseimbangan unsur-unsur asas dalam tubuh atau sebaliknya. Kaedah ini boleh dilakukan dengan pelbagai cara seperti merasa denyutan nadi, memeriksa kulit, permukaan lidah, mata, perut, darah, telinga, kahak dan sebagainya. Manakala diagnosa personalistik pula melibatkan pemerhatian terhadap faktor-faktor kuasa supernatural seperti pengaruh ilmu sihir dan makhluk halus yang mengganggu kesihatan pesakit. Diagnosa ini dilakukan dengan melibatkan pelbagai cara antaranya acara menurun atau *trance* iaitu, bomoh akan meminta bantuan dari kuasa luar biasa. Teknik ini juga disebut sebagai pengubatan sharmanistik seperti pengubatan menggunakan Main Puteri (Mohd. Koharuddin, 2003).

Walaupun begitu, menurut Haliza (2005), kaedah diagnosis dalam perubatan Melayu pada dasarnya tidak melibatkan unsur-unsur syirik dan khurafat. Ia ditentukan dengan melihat beberapa ciri berdasarkan simptom dan juga tanda pada tubuh seseorang pesakit iaitu:

1. Punca kepada penyakit
2. Tanda-tanda yang timbul pada tubuh pesakit
3. Penderitaan/kesakitan yang sedang dirasakan oleh pesakit
4. Bahagian tubuh yang terlibat
5. Lama masa kesakitan yang dihadapi
6. Rawatan yang perlu dan sesuai diberikan kepada pesakit

Justeru, dengan diagnosis yang jelas serta terperinci terhadap pesakit, rawatan yang bertepatan dapat diberikan. Namun, seorang perawat yang ikhlas akan menasihatkan pesakit

supaya mencari perawat yang lain atau melakukan rawatan pada modeliti yang lain sekiranya dia tidak mampu mengubati sesuatu penyakit itu (Haliza, 2005).

Namun begitu, menurut Abu Humayd (2018), terdapat pengamal perubatan Melayu masa kini yang melakukan diagnosis dengan hanya mengetahui nama pesakit tersebut atau melalui kaedah imbasan dengan merenung ke arah pesakit. Terdapat juga kaedah diagnosis yang dilakukan dengan menggunakan libasan tangan atas angin bertujuan agar penilaian terhadap masalah atau penyakit yang dihadapi oleh pesakit dapat dilakukan dengan kadar segera. Manakala menurut Izzat Ismaail (2014) pula, kaedah diagnosis dalam perubatan tradisional Melayu memuatkan elemen seperti raksi, ramalan, tahun kelahiran dan sebagainya di samping ciri-ciri dan tanda-tanda fizikal.

Ilmu perubatan Melayu khususnya berkaitan dengan kaedah mendiagnos ketidakseimbangan fungsi sistem dan organ tubuh telah dicatat serta dihuraikan secara terperinci dalam kitab-kitab tib oleh tokoh-tokoh perubatan Melayu sejak sebelum abad ke-20 lagi (Yunos, Yusoff, & Hanafiah, 2016). Antara kitab-kitab tib perubatan Melayu bertulisan asal jawi yang telah dihasilkan adalah Kitab Bustan al-Salatin oleh Syaikh Nuruddin al-Raniri (1638), Kitab al-Rahmah oleh Syaikh Abbas Kuta Karang (1853), Kitab Tayyibul Ihsan oleh Syaikh Ahmad al-Fatani (1894), Kitab Khazinatul Insan oleh Hakim Abdullah (1951) dan sebagainya (Mohd Affendi, 2018).

3.0 OBJEKTIF KAJIAN

Tujuan utama kajian ini adalah berdasarkan kepada objektif berikut:

- (i) Mengenalpasti amalan diagnosis yang digunakan dalam setiap kitab tib yang telah dipilih.
- (ii) Menyenaikan unsur-unsur yang mempengaruhi diagnosis berdasarkan setiap kitab tib tersebut.
- (iii) Menyatakan kaedah diagnosis utama yang diutarakan berdasarkan setiap kitab tib tersebut.

4.0 METODOLOGI KAJIAN

Kaedah penyelidikan ini memberi tumpuan kepada analisis kandungan dengan meneliti dan menafsirkan bab dalam buku, transkrip, wawancara, perbincangan, dokumen sejarah, ucapan, dialog komersial, skrip teater atau platform komunikasi lain (Neuman 1997). Dalam analisis kandungan, tema penting atau skop kajian akan ditentukan dengan menganalisis dan melaporkan data kajian. Proses ini diteruskan dengan menghalusi dan memperincikan penemuan sebelum kesimpulan dapat dibuat.

Namun begitu, kajian ini hanya melibatkan kitab-kitab tib perubatan Melayu yang telah ditrasliterasikan kepada tulisan rumi. Ini kerana proses untuk transliterasi daripada manuskrip asalnya yang bertulisan jawi kepada tulisan rumi memerlukan pemfokusan yang berbeza dalam membatasi kajian ini. Sebanyak 6 buah kitab tib telah dipilih berdasarkan kitab tib yang dimiliki pengkaji dan sering dijadikan bahan kajian oleh pengkaji-pengkaji mutakhir ini. Berdasarkan enam kitab tib ini, empat elemen yang dikenalpasti untuk penyelidikan ini telah dikemukakan.

Selain daripada itu, pengkaji turut menjalankan rujukan perpustakaan terhadap jurnal-jurnal lima tahun terkini berkaitan perubatan Melayu. Ia bertujuan memberi kefahaman mendalam

terhadap istilah-istilah serta konsep-konsep yang digunakan khususnya di dalam amalan diagnosis ketidakseimbangan tubuh menurut perubatan Melayu. Data-data kualitatif yang dikumpul dianalisis secara deskriptif dan seterusnya dibuat interpretasi dengan menggunakan gaya bahasa penulisan ilmiah yang mudah difahami.

5.0 DAPATAN KAJIAN

Analisis kandungan ini memberikan tumpuan kepada 4 aspek iaitu (i) amalan diagnosis yang digunakan dalam setiap kitab tib yang telah dipilih, (ii) unsur-unsur yang mempengaruhi diagnosis berdasarkan setiap kitab tib tersebut, (iii) kaedah diagnosis utama yang diutarakan berdasarkan setiap kitab tib tersebut dan (vi) hasil dapatan utama. Hasil daripada analisis ditunjukkan dalam Jadual 1 di bawah.

Jadual 1: Analisis kandungan berdasarkan 4 aspek daripada kitab tib terpilih

No	Nama Kitab / Pengarang & Tahun / Transliterasi Oleh & Tahun	Amalan Diagnosis	Unsur Yang Mempengaruhi Diagnosis	Kaedah Diagnosis Yang Digunakan	DAPATAN UTAMA
1	Bustan al-Salatin Syaikh Nuruddin al-Raniri, 1638 Naseer Sobree, 2017	Mementingkan keseimbangan pada 40 organ tubuh	Unsur Kejadian Manusia : • Angin • Api • Air • Tanah Tabiat Unsur : • <i>Hararah</i> • <i>Yubusah</i> • <i>Burudab</i> • <i>Rutubab</i> • <i>Harr (Yabis)</i> • <i>Harr Ratb</i> • <i>Barid Yabis</i> • <i>Barid</i> • <i>Mu'tadil</i> Unsur Cecair Tubuh : • <i>Dam</i> • <i>Balgham</i> • <i>Safra'</i> • <i>Sawda'</i>	Melalui tanda pada 10 tabiat manusia : • Dijabat Badan • Ditilik Badan • Ditilik Rambut • Ditilik Warna Tubuh • Ditilik Kejadian Anggota Tubuh • Ditilik Pada Kelakuan, Perbuatan dan Pekerjaan • Ditilik Pada Perbuatan dan Khuluqnya • Ditilik Pada Tidur dan Jaganya • Ditilik Pada Qada Hajat Besar dan Seni • Ditilik Pada Kelakuan Batinnya	• Kaedah diagnosis menghubungkan 10 tanda tabiat manusia dengan pemerhatian terhadap unsur yang mempengaruhi diagnosis • Mementingkan pengetahuan yang sempurna berkaitan tabiat manusia dan tandanya.
2	Kitab al-Rahmah Fi Tib Wal Hikmah Syaikh Abbas Kuta Karang, 1853 Mohd Affendi & Hermansyah, 2017	Menekankan ilmu <i>tabi'ah</i> iaitu ilmu untuk mengenal apa yang normal atau seimbang bagi tubuh manusia.	Unsur penyebab penyakit : • <i>Khilt</i> • <i>Mizaj</i> 4 akhlat : • <i>Safrani</i> • <i>Sawdani</i> • <i>Dammi</i> • <i>Balghami</i> 5 mizaj : • <i>mizaj safrani</i>	• Melihat keadaan kepada ketidakseimbangan <i>akblat</i> dengan ditentukan elemen <i>mizajnya</i> , sifat dan kualitinya sama ada panas, sejuk, basah atau kering • Melihat kepada 10 perkara iaitu makan, minum, bergerak-gerak, diam, tidur, jaga-jaga, jimak, hawa (angin),	• Menghuraikan mengikut konsep perubatan Yunani yang disusun oleh Hippocrates • Keadaan <i>akblat</i> dan <i>mizaj</i> mempengaruhi kesihatan fizikal dan emosi pesakit • Ketidakseimbangan ditentukan juga melalui pemakanan, pergerakan dan aktiviti harian, semangat

			<ul style="list-style-type: none"> • <i>mizaj sawdawi</i> • <i>mizaj dammi</i> • <i>mizaj balghami</i> • <i>mizaj i'tidali</i> 	segala awarid nafsu dan keseluruhan perkara yang ditadbir oleh segala anggota yang sah	hidup, sikap dan fizikal tubuh.
3	<p>Kitab Tayyib al-Ihsan Fi Tib al-Insan</p> <p>Syaikh Ahmad al-Fatani, 1894</p> <p>Mohd Affendi, 2018</p>	Memerhatikan keadaan nadi, warna air kencing dan keadaan pada 4 cecair tubuh	<p>Unsur Cecair Tubuh :</p> <ul style="list-style-type: none"> • <i>Dam</i> • <i>Balgham</i> • <i>Safra'</i> • <i>Sawda'</i> <p>Unsur penyebab penyakit :</p> <ul style="list-style-type: none"> • <i>Khilt</i> • <i>Mizaj</i> 	Fokus kepada melihat ketidakstabilan pada <i>akblat</i> dengan mengenalpasti <i>mizaj</i> dan <i>khilt</i> pada 4 cecair tubuh	<ul style="list-style-type: none"> • Keadaan <i>akblat</i> dilihat berdasarkan <i>khilt</i>nya dan <i>mizaj</i>nya yang mempengaruhi kesihatan pesakit. • Keadaan nadi dan warna air kencing boleh membantu untuk mengenalpasti ketidakstabilan tubuh.
4	<p>Kitab Khazinat al-Insan</p> <p>Hakim Abdullah, 1951</p> <p>Sarah Syazwani, 2017</p>	Melihat kepada keadaan fizikal, pancaindera dan elemen batin tubuh manusia	<p>Unsur tubuh manusia :</p> <ul style="list-style-type: none"> • Tanah • Air • Api • Angin <p>Tabiat Unsur :</p> <ul style="list-style-type: none"> • Hangat • Kering • Sejuk • Basah • Hangat Kering • Hangat Basah • Sejuk Kering • Sejuk basah • Sederhana <p>Unsur yang mempengaruhi keseimbangan tubuh :</p> <ul style="list-style-type: none"> • <i>Dam</i> • <i>Balgham</i> • <i>Safra'</i> • <i>Sawda'</i> 	<p>Melalui tanda pada 9 keadaan tubuh :</p> <ul style="list-style-type: none"> • Dirasa tangannya • Ditilik rambutnya • Ditilik warna tubuhnya • Dilihat pada bidang dada, keadaan urat, keadaan nadi, saiz kaki dan tangan • Dilihat gopoh atau tidak • Dilihat pekerjaan cermat atau tidak • Dilihat pada keadaan tidur • Dilihat pada keadaan najis • Dilihat pada keadaan akalnya, akhlaknya cara perbuatan <p>Mengaplikasikan diagnosis melalui keadaan nadi pada pergelangan tangan</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Menghuraikan mengikut konsep perubatan Greek-Arab bersama unsur tasawuf serta unsur perubatan moden • Menggabungkan maklumat, ilmu dan kemahiran daripada kitab tib yang awal seperti Bustan al-Salatin, al-Rahmah dan Tayyib al-Ihsan
5	<p>Kitab Tib Ilmu Perubatan Melayu</p> <p>Harun, 2006</p>	Melihat kepada keadaan fizikal pesakit dan dikaitkan dengan 4 unsur kejadian manusia	<p>Unsur kejadian manusia :</p> <ul style="list-style-type: none"> • Tanah • Air • Api • Angin <p>Unsur yang mempengaruhi keseimbangan tubuh :</p> <ul style="list-style-type: none"> • <i>balgham</i> • <i>hempedu</i> • <i>darah</i> 	<ul style="list-style-type: none"> • Melihat kepada raksi abjad, raksi pengubatan dan keadaan nafas antara pesakit dan perawat terlebih dahulu • Mengenalpasti keadaan dan sifat pada unsur untuk melihat ketidakseimbangan pada tubuh 	<p>Diagnosis dilihat kepada keadaan tubuh merangkumi :</p> <ul style="list-style-type: none"> • Perasaan dan akhlak • keadaan tidur • perbuatan dan keadaan fizikal
6	<p>Kitab Tib Muzium Terengganu</p>	Berdasarkan ilmu ramalan dan ilmu menilik penyakit	<p>Unsur kejadian manusia :</p> <ul style="list-style-type: none"> • Tanah • Air 	Menghubungkan pelbagai aspek kejadian dan sebab terhadap sistem dan keadaan	<ul style="list-style-type: none"> • Sifat pada 4 unsur yang dinyatakan boleh mempengaruhi keadaan tubuh dan

Harun, 2017		<ul style="list-style-type: none"> • Api • Angin 	tubuh dengan 4 unsur penyebab penyakit	mempengaruhi ketidakseimbangan tubuh yang membawa kepada penyakit <ul style="list-style-type: none"> • Sebab yang menjadikan keadaan pada unsur tubuh juga menjadi punca kepada terhasilnya penyakit.
-------------	--	--	--	--

6.0 PERBINCANGAN

Berdasarkan transliterasi Kitab al-Rahmah dan transliterasi Kitab Tayyib al-Ihsan (Mohd Affendi & Hermansyah, 2017; Mohd Affendi, 2018) maksud istilah-istilah yang digunakan adalah seperti pada Jadual 2 di bawah:

Jadual 2: Maksud istilah


No.	Istilah	Maksud
1	<i>akhlāt</i>	cairan badan dalam rongga atau organ tertentu (perkataan majmuk)
2	<i>balgham</i>	bendalir/cecair badan
3	<i>barid ratb</i>	sejuk basah
4	<i>barid yabis</i>	sejuk kering
5	<i>burudab</i>	sejuk
6	<i>dam</i>	darah
7	<i>kbilt</i>	cairan badan dalam rongga atau organ tertentu (perkataan tunggal)
8	<i>hararab</i>	panas
9	<i>bars ratb</i>	panas basah
10	<i>barr (yabis)</i>	panas kering
11	<i>i'tidalī</i>	seimbang
12	<i>mizaj</i>	elemen
13	<i>mu'tadil</i>	seederhana
14	<i>rutubab</i>	basah
15	<i>safra'</i>	cecair hempedu
16	<i>sawda'</i>	cecair limfa
17	<i>yubusab</i>	kering

Istilah-istilah yang digunakan kebanyakannya dipengaruhi oleh istilah bahasa Arab menunjukkan perubatan Melayu menerima pengaruh daripada perubatan Arab (Hamid & Fauzi, 2012).

Selain daripada itu, teori perubatan Melayu khususnya asas-asas berkaitan dengan diagnosis keseimbangan tubuh mempunyai pengaruh daripada perubatan Greek (Yunani) di samping pengaruh Tibbun Nabawi (Naseer, 2016; Nornizam, 2018). Walaubagaimanapun, kestabilan dan

keseimbangan tubuh badan manusia berdasarkan konsep perubatann Melayu dipengaruhi oleh 4 unsur utama iaitu angin, api, air dan tanah (Harun, 2006; Naseer, 2017). Seterusnya, keempat-empat unsur ini mempengaruhi kestabilan elemen jiwa, emosi, akal dan fizikal seseorang manusia yang mana ketidakstabilan antara keempat-empat elemen ini akan mempengaruhi diagnosis terhadap ketidakseimbangan tubuh badan seseorang pesakit (Asmiaty & Fadila, 2018).

Menurut A. Samad (2005), perubatan Melayu menghubungkan ciri-ciri fizikal manusia kepada 4 unsur iaitu *suprawi* (api), *suddawi* (bumi), *dammawi* (angin) dan *balpawi* (air) dengan keterangan mendalam berkaitan humor dan perihal penyakit (Asmiaty & Fadila, 2018). Hal ini ditunjukkan melalui Rajah 1:



Rajah 1: Prinsip perubatan tradisional Melayu berdasarkan model elemen dan humor Yunani
Sumber Asmiaty & Fadila (2018) daripada A. Samad (2005)

Selain itu, Hakim (2017) turut menghuraikan bahawa setiap keadaan pada empat unsur manusia berkait rapat dengan keadaan cecair pada tubuh manusia yang dapat dikenalpasti melalui diagnosis dalam penentuan awal penyakit yang dihadapi oleh seseorang. Susunannya adalah seperti pada Jadual 3 di bawah :


Jadual 3: Perkaitan unsur manusia dengan cecair badan dan keadaannya yang menjadi asas kepada permulaan diagnosis dalam konsep perubatan Melayu

Namanya - kekuatan	Tempat	Faedah	Bandingan
Darah – hangat basah	Di hati	Menguatkan badan	Angin
Balgham – sejuk basah	Di paru-paru	Membasahkan segala anggota	Air
Safra – hangat kering	Di lempedu (hempedu)	Menjalankan (mencairkan) darah	Api
Sawda’ – sejuk kering	Di limpa	Melikatkan darah	Tanah

Selain penekanan kepada mengenalpasti keadaan dan sifat unsur kejadian manusia yang mempengaruhi keseimbangan tubuh seseorang pesakit, struktur serta bentuk fizikal tubuh juga akan dilihat dan dinilai dalam proses diagnosis sama ada berada pada keadaan dan kedudukan yang sebaiknya atau tidak (Nuruddin, 2017; Hakim, 2017). Diagnosis keseimbangan juga turut dinilai daripada elemen-elemen yang berkaitan dengan aktiviti harian pesakit, perasaan dan emosi pesakit, pemakanan harian pesakit, semangat pesakit dalam menjalani kehidupan dan kebersihan diri pesakit (Nuruddin, 2017; Abbas, 2017; Hakim, 2017).

Sepertimana konsep perubatan Ibnu Sina, perubatan Melayu juga menggunakan empat kaedah utama dalam menilai keadaan tubuh iaitu dengan memerhatikan keadaan dan tahap *mizaj*, nadi, urin dan keadaan najis pesakit (Naseer, 2016; Wan Ahmad, 2018). Selain itu, diagnosis ketidakseimbangan terhadap penyakit yang dihadapi oleh seseorang juga perlu dilihat kepada faktor persekitaran atau suasana sekeliling pesakit, gangguan luar seperti makhluk halus, faktor keturunan atau genetik dan juga sejarah penyakit terdahulu atau kecederaan lama atau kemalangan yang pernah menimpa pesakit (Nornizam, 2018).

Ringkasan diagnosis ketidakseimbangan tubuh dalam perubatan Melayu sebelum sesuatu rawatan, terapi atau ubat diberikan digambarkan seperti pada Rajah 2 berikut :



Rajah 2: Ringkasan awal proses diagnosis dalam perubatan Melayu

7.0 KESIMPULAN

Analisis kandungan yang dilakukan ini menunjukkan dan membuktikan bahawa proses dan kaedah diagnosis dalam perubatan Melayu melibatkan analisa dan justifikasi yang teliti sebelum sebarang rawatan diteruskan kepada pesakit. Berdasarkan analisis awal yang dibuat terhadap kitab perubatan Melayu ini, dapat dirumuskan bahawa perubatan Melayu mempunyai ciri-ciri holistik dan lengkap dalam menganalisa dan mengenalpasti sebarang ketidakseimbangan tubuh yang merangkumi aspek spiritual, emosi, mental dan fizikal pesakit. Dengan ini, rawatan yang akan ditentukan juga bersifat holistik dan tidak hanya terfokus kepada elemen-elemen tertentu pada tubuh pesakit sahaja khususnya elemen fizikal semata-mata. Sudah pasti keempat-empat elemen dan unsur asas tubuh manusia perlu dipastikan supaya sentiasa berada pada tahap keseimbangan dalam pelaksanaan setiap rawatan. Justeru, lebih banyak kajian terhadap intipati kitab tib perlu

terus diusahakan agar teori dan kaedah diagnosis ketidakseimbangan tubuh khususnya dapat menonjolkan ciri-ciri saintifik dalam perubatan Melayu.

Rujukan

- Abbas, K. K. (2017). Bab Ketiga Kitab Perubatan Melayu Al-Rahmah Fi Tibb Wa Al-Hikmah. In M. S. Mohd Affendi, & M. Y. Hermansyah, *Transliterasi Kitab Perubatan Melayu Al-Rahmah Fi Tibb Wa Al-Hikmah*, 105-132. Kuala Lumpur: Akademi Jawi Malaysia.
- Abu Humayd, S. M. (2018). *Pengubatan Islam; Antara Fakta & Auta*. Putrajaya: DT Printing & Publishing.
- Aida Sharmila, W. W. (2010). Rekabentuk Sistem Diagnosis Pintar Untuk Penyakit Tuberkulosis Berdasarkan Imej Kahak Ziehl-Neelsen. Tesis Master Universiti Malaysia Perlis, 3-5.
- Amri, E. W. (2016, Jun 28). Syekh Wan Ahmad Al Fatani: Ulama Dan Saintis Agung Bangsa Melayu. Retrieved from Fitrah Islami Online: <https://fitrahisلامي.wordpress.com> Access date 28 October 2019
- Asmiaty, A., & Fadila, S. (2018). Persamaan dan Perbezaan Konsep dan Amalan Perubatan Tradisional Melayu dan Cina. In M. N. Darlina, M. Y. Zuraidah, & O. Saad, *Perubatan Tradisional Aplikasi Semasa*, 37-56. Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia.
- Faisal @ Ahmad Faisal, A. H., & Helwana, M. (2007). Manuskrip Perubatan Melayu-Islam di Fatani: Ulasan Terhadap Manuskrip Kitab Tayyib al-Ihsan fi Tibb al-Insan Karya Syekh Ahmad al-Fatani. *Jurnal al-Tamaddun*, 3, 110-127.
- Hakim, A. (2017). *Kitab Perubatan Melayu Khazinat Al-Insan*. Kuala Lumpur: Akademi Jawi Malaysia.
- Haliza, M. R. (2005). *Prinsip dan Amalan dalam Perubatan Melayu*. Penerbit Universiti Malaya.
- Hamid, F. @., & Fauzi, N. W. (2012). Perubatan Melayu Tradisional: Kitab Tibb Pontianak. *Jurnal al-Tamaddun*, 7, 149-162.
- Harun, M. P. (2006). *Kitab Tib Ilmu Perubatan Melayu*. Kuala Lumpur: Perpustakaan Negara Malaysia.
- Helmy, E. (2017, Mei 6). Sheikh Wan Ahmad Al-Fatani: Ulama Dan Saintis Agung Orang Melayu. Retrieved from The Patriots: <https://www.thepatriots.asia> Access date: 28 October 2019
- Hj. Wan Mohd Shaghir, A. (2015). Thaiyibul Ihsan fi Thibbil Insan. In *Ensiklopedia Naskhab Klasik Nusantara*, 9-12. Kuala Lumpur: Khazanah Fathaniyah.
- Yusoff, Wan Faizah Wan (2017) Manifestasi Alam Dalam Falsafah, Diagnosis Dan Rawatan Penyakit Berdasarkan Perubatan Ayurveda Dan Tradisional Melayu: Satu Kajian Perbandingan. In: 7th International Conference on Local Knowledge (ICLK 2017), 8 - 9 May 2017, Johor Bahru, Malaysia.
- Ledley, R. S., & Lusted, L. B. (1959). Reasoning Foundations of Medical Diagnosis. *Science*, 9-21.
- Mardhiyati, I., Za, U., Amin, R., Faridah, A., & Ni, A. (2018). *Rasio Ukuran dan Bentuk Tubuh Manusia Ditinjau dari Konsep Deret Fibonacci dan Al-Qur'an*, 1(September), 199–204.
- Mohamed, M. T. S., Daud, I., Fazlena, A. R., Asyraf, A. R., & Mohd, W. K. F. W. K. (2018). Transformasi dan Sumbangan Al-Razi (854-932M) Dalam Bidang Perubatan. *Jurnal Islam Dan Masyarakat Kontemporari*, 17(1), 36–48.
- Mohd Affendi, M. S. (2018). *Transliterasi Tayyib Al-Ihsan Fi Tibb Al-Insan*. Kuala Lumpur: Khazanah Fathaniyah.
- Mohd Affendi, M. S., & Hermansyah, M. Y. (2017). *Transliterasi Kitab Perubatan Melayu Al-Rahmah*. Kuala Lumpur: Akademi Jawi Malaysia Sdn Bhd.
- Mohd. Koharuddin, M. B. (2003). Sains Perubatan Naturalistik Melayu: Satu Kajian Awal. *Jurnal Kemanusiaan*, 17(2), 34-41.

- Naseer, S. (2016). *Ibnu Sina Oximel*. Kuala Lumpur: Baytul Hikma.
- Naseer, S. (2017). *Bustanus Salatin*. Pulau Pinang: Baytul Hikma.
- Norhissam, M. (2015). *Gaya Hidup Sihat Insaniah*. Skudai: Sihat2u Sdn Bhd.
- Norhissam, M. (2017). Nota Kuliah Perubatan Melayu dan Tasawur Islam. DPPM 01, 1-28.
- Nornizam, N. (2018). *Falsafah Dan Prinsip Asas Perubatan Melayu*. Pulau Pinang: Baytul Hikma.
- Nur Zu, I. B., Tengku Nurul Hidayah, T. B., & Prof Madya Dr Amminuddin, R. (2012). Pencapaian Masyarakat Melayu Dalam Bidang Sains Dan Teknologi Sebelum Kedatangan Barat. *Seminar National Fiqh Science And Technology 2012*. Universiti Teknologi Malaysia.
- Nuruddin, A.-R. (2017). *Bustanus Salatin Bab Ketujuh Fasal Ketiga: Pada Menyatakan Ilmu Tashrih dan Ilmu Tib*. In S. Naseer, *Kajian dan Transliterasi*, 59-178. Pulau Pinang: Baytul Hikma.
- Nurul Asmida, S. (2015). *Pandangan MB Hooker Terhadap Adat Di Tanah Melayu: Analisis Terhadap Buku Islamic law in South-East Asia*. Tesis PhD Universiti Malaya, 94.
- Parta Ibeng. (2018). *Pengertian Diagnosis, Ciri, Manfaat dan Tahapan Diagnosa*. <https://doi.org/Pendidikan.Co.Id>
- Pusat Rujukan Persuratan Melayu (2017). *Dewan Bahasa dan Pustaka*. Retrieved from <https://prpm.dbp.gov.my> Access date: 28 October 2019
- Saehu, A. (2016). *Studi Perbandingan Kecepatan Denyut Nadi Pada Orang Yang Tinggal Di Daerah Pantai Dan Daerah Pergunungan*.
- Saunders. (2003). *Miller-Keane Encyclopedia and Dictionary of Medicine, Nursing, and Allied Health, Seventh Edition*. Retrieved from The Free Dictionary by Farlex: <https://medical-dictionary.thefreedictionary.com> Access date: 28 October 2019
- Wan Ahmad, W. Z. (2018). *Kitab Perubatan Melayu Tayyib Al-Ihsan Fi Tibb Al-Insan*. In M. S. Mohd Affendi, *Transliterasi Kitab Perubatan Melayu Tayyib Al-Ihsan Fi Tibb Al-Insan*, 37-56. Kuala Lumpur: Akademi Jawi Malaysia.
- Yunos, Y., Yusoff, M., & Hanafiah, M. (2016). *Kepandaian Orang Melayu dalam mentafsir ruang perubatan tradisional (The Malay Diligence of interpreting the traditional medicinal space)*. -*Malaysian Malaysia Journal of Society and Space*, 12(11), 79-91. Retrieved from <http://ejournal.ukm.my/gmjss/article/view/15616> Access date: 28 October 2019